





1100033010



LI 27 FPE 1 2002



1100033010

Laporan akhir latihan industri di Unit Sukan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan / Norlaily Ismail.

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

**1100033010**

<b>1100033010</b>		

Lihat sebelah

PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI UNIT SUKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN**

Oleh  
**NORLAILY BINTI ISMAIL**  
**Sarjana Muda Sains**  
**(Polisi Awam Dan Sekitaran)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengajian Am  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

**2002**

**1100033010**

## PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah s.w t dan syukur kehadratNya, kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga penulis meyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri walaupun terdapat kesulitan dalam menyiapkan laporan ini.

Alhamdulillah akhirnya penulis bejaya menjalani latihan praktikal tanpa sebarang kesulitan. Pertama kali penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak KUSTEM kerana memberi peluang kepada penulis menjalani Latihan praktikal dan menguruskan penempatan Organisasi bagi menjalani latihan di Unit Sukan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan. Latihan praktikal ini juga merupakan satu syarat untuk bergraduasi.

Kepada pihak organisasi iaitu Unit Sukan Jabatan Pendidikan Kelantan penulis mengucapkan jutaan terima kasih kerana sudi menerima penulis menjalani Latihan Industri di Organisasi tersebut selama tiga bulan dan dapat menimba pelbagai pengalaman yang akan dijadikan panduan dalam meneruskan cabaran untuk menceburi bidang kerjaya yang sebenar.

Terlebih dahulu penulis ingin merakamkan setinggi –tinggi penghargaan yang istimewa kepada Puan Che Haniza Bt Che Noh selaku Penyelia Kustem bagi latihan Industri yang begitu banyak meluangkan masa menyumbangkan idea yang positif, tunjuk ajar dan nasihat serta usaha dalam menyiapkan laporan ini sokongan dan bimbingan beliau amat penulis hargai.

Tidak lupa juga kepada En Razuki B. A. Rahim selaku Penyelia Industri yang banyak memberi tunjuk ajar sepanjang tempoh penulis menjalankan praktikal di Unit Sukan. Tanpa galakkan dan bimbingan beliau amat susah bagi penulis menjalankan tugas dengan baik. Begitu juga kepada semua kakitangan Di Unit Sukan yang sentiasa menolong penulis dengan tangan yang terbuka. Sepanjang tempoh penulis menjalankan praktikal disini telah banyak memberi kenangan manis dan pengalaman yang tidak dapat penulis lupa. Pengalaman dalam melibatkan diri dengan kejohanan sukan dan aktiviti – aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak Unit Sukan. Semua ini akan memberikan penulis satu pendekatan yang positif dalam menuju pasaran kerja serta pendedahan kepada aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi.

Serangkum doa yang berpanjangan paling istimewa buat ayah dan ibu yang tercinta yang sentiasa mendoakan kejayaan anaknya. Tidak lupa juga kepada kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan dan pertolongan yang penulis tidak dapat hendak membalasnya.

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI SINGKATAN	v
RINGKASAN EKSEKUTIF	vi
<b>BAB 1 : Latar Belakang Organisasi / Syarikat</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Maklumat Organisasi	2
1.3 Carta Organisasi	40
1.4 Aktiviti Organisasi	41
1.5 Kemahiran yang ingin dipelajari	47
<b>BAB 2 : Pengenalpastian Masalah dan Cadangan Penyelesaian</b>	
2.1 Mengesan sistem sedia ada	49
2.1.1 sistem kerja yang berterusan	49
2.1.2 sistem penggunaan komputer	50
2.1.3 sistem kerja yang sistematik dan terancang	51
2.1.4 sistem pengurusan dalam pemilikan harta persendirian	52

2.2 Mengenal pasti masalah	53
2.2.1 Bahagian Kewangan	53
2.2.2 Bahagian Pentadbiran	53
2.2.3 Bahagian Pengurusan	54
2.3 Rumusan analisis perbincangan	55
2.3.1 Rumusan analisis perbincangan	55
2.3.2 Cadangan penyelesaian	56
2.3.3 Perlaksanaan cadangan dan implikasi	58
2.4 Penutup	60
<b>RUJUKAN</b>	61

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

## SENARAI SINGKATAN

1. MSSK - Majlis Sukan Sekolah Kelantan.
2. MSSD - Majlis Sukan Sekolah Daerah
3. MSNK - Majlis Sukan Negeri Kelantan
4. MSSM - Majlis Sukan Sekolah Malaysia
5. MSNM - Majlis Sukan Negara Malaysia
6. JPN - Jabatan Pendidikan Negeri
7. OJ - Osman Jafaar
8. SMK - Sekolah Menengah Kebangsaan
9. SK - Sekolah Kebangsaan



## RINGKASAN EKSEKUTIF

Majlis Sukan Sekolah – Sekolah Kelantan ( MSSK ) terletak di Kompleks Sekolah – Sekolah Wakaf Mek Zainab, iaitu 2 kilometer dari pusat Bandar Kota Bharu. Kedudukan Unit Sukan ( MSSK ) di tengah – tengah Kompleks Sekolah memudahkan urusan dan aktiviti sukan dijalankan.

Kedudukan yang strategik diantara bandar Kota Bharu dengan pejabat MSSK iaitu merupakan jalan yang mudah dihubungi. Apabila sesuatu kejohanan yang akan berlansung dan Kelantan akan menjadi tuan rumah, ianya akan melicinkan lagi sistem pengurusan MSSK bagi menyediakan pelan lokasi tempat kejohanan.

Majlis Sukan Sekolah- Sekolah Kelantan adalah bertanggungjawab untuk merancang, menyelaraskan dan mengurus program atau aktiviti sukan yang dikendalikan oleh bahagian sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia serta Jabatan Pendidikan Kelantan untuk membangun dan memperkembangkan potensi sukan dikalangan pelajar secara menyeluruh.

Terdapat tiga penemuan permasalahan di Unit Sukan Jabatan Pendidikan Kelantan, iaitu bahagian kewangan yang berkenaan dengan masalah kelewatan membayar yuran oleh pihak sekolah.

Penemuan kedua pula ialah di bahagian pentadbiran di mana kerja yang dilakukan adalah berterusan dan merangkumi program sukan sepanjang tahun.

Penemuan masalah yang terakhir ialah di bahagian pengurusan iaitu berkaitan dengan bahagian pengurusan asrama, iaitu asrama yang ada tidak dapat menampung jumlah atlit yang menyertai sesuatu kejohanan.

Cadangan penyelesaian ialah semua pihak haruslah memainkan peranan dalam menyelesaikan masalah yang timbul dengan mengambil beberapa langkah yang bijak. Bagi masalah kekurangan asrama hendaklah membina asrama yang baru bagi menampung jumlah atlit yang ramai. Bagi masalah yuran yang lewat dibayar pihak pengurusan MSSK dan pihak sekolah hendaklah sama – sama memainkan peranan bagi melicinkan proses pembayaran yuran. Begitu juga dengan masalah dengan sistem kerja yang berterusan akan dapat diatasi sekiranya semua pihak sama – sama mencari alternatif baru dalam menggantikan sistem yang sedia ada di Unit Sukan.

Setiap organisasi mempunyai kelemahan dan kekuatan. Oleh itu Peranan dari semua pihak amatlah penting dalam penyelesaian sesuatu masalah. Sokongan dan kekuatan organisasi amatlah penting dalam merealisasikan cita – cita dalam menuju sebuah pentadbiran yang cekap untuk kemajuan sesebuah organisasi.